

SELANGOR TURF CLUB

a

lwn.

OTHAMAN PERIAN

MAHKAMAH PERUSAHAAN, KUALA LUMPUR
ABU BAKAR AWANG
AWARD NO. 270 TAHUN 2002 [NO. KES: 2/4-312/99]
30 MAC 2002

b

SELANGOR TURF CLUB

c

lwn.

SUBRAMANIAM BALAKRISHNAN

MAHKAMAH PERUSAHAAN, KUALA LUMPUR
ABU BAKAR AWANG
AWARD NO. 271 TAHUN 2002 [NO. KES: 2/4-327/99]
30 MAC 2002

d

PEMBUANGAN KERJA: *Penamatan perkhidmatan - Keganasan - Meminum minuman keras dan menyerang pegawai atasan - Sama ada kesalahan serius sehingga mengakibatkan pemecatan - Alasan provokasi - Sama ada perbuatan tanpa niat atau "grave and sudden" - Sama ada perbuatan penuntut-penuntut suatu provokasi yang diizinkan undang-undang - Sama ada aduan terbukti - Sama ada pembuangan kerja yang tidak adil atau sah*

e

SIASATAN DOMESTIK: *Keputusan - Sama ada luar aturan - Sama ada keputusan tidak boleh di pakai - Penuntut-penuntut gagal membawa saksi-saksi mereka dan menyoal-balas saksi syarikat atau tidak bertanya melalui penterjemah apa-apa perkara yang mereka tidak faham - Sama ada syarikat patut dipersalahkan*

f

g

KETERANGAN: *Andaian yang memudaratkan - Tiada pengemukaan keterangan material - Kegagalan syarikat untuk mengemukakan eksibit semasa perbicaraan - Sama ada s. 114(g) Akta Keterangan 1950 diungkitkan terhadap syarikat*

h

Pihak-pihak penuntut dalam kes ini yang telah berkhidmat dengan syarikat sebagai pengawal keselamatan, telah dipecat kerana terlibat dalam satu pergaduhan yang berpunca dari insiden minuman keras yang melibatkan beberapa pengawal keselamatan syarikat yang lain. Susulan kepada insiden pergaduhan itu, mereka berdua telah dipertuduhkan di dalam satu penyiasatan

i

- a* dalaman yang telah diadakan oleh syarikat dengan bantuan seorang jurubahasa India kepada kedua-dua pekerja terbabit. Setelah menimbang semua keterangan yang dikemukakan, panel penyiasat telah mendapati kedua-dua pekerja tersebut bersalah atas salahlaku disiplin lalu mengesyorkan bahawa pekerja-pekerja tersebut dibuang kerja. Oleh kerana tidak puas hati dengan keputusan itu,
- b* pekerja-pekerja itu seterusnya membuat tuntutan di mahkamah yang pemecatan itu adalah tanpa kausa atau sebab yang adil.

Diputuskan:

- c* [1] Penyiasatan dalaman itu telah dijalankan dengan sebaiknya menurut prinsip keadilan asasi dan tiada penggelapan keterangan telah berlaku. Jika pihak-pihak menuntut mengabaikan tanggungjawab mereka dengan tidak membawa saksi-saksi mereka dan menyoal-balas saksi syarikat atau tidak bertanya melalui penterjemah apa-apa perkara yang mereka tidak faham, perkara itu adalah kesalahan mereka sendiri dan syarikat tidak boleh dipersalahkan.
- d*
- e* [2] Walaupun syarikat tidak mengemukakan eksibit-eksibit semasa perbicaraan dan juga bahawa kedua-dua penuntut tidak diuji oleh pegawai perubatan untuk memastikan bahawa mereka telah meminum minuman keras, namun perlu dikatakan di sini bahawa Mahkamah Perusahaan ini hanya perlu mempertimbangkan keterangan berdasarkan imbalan kebarangkalian sahaja dan bukan atas dasar tanpa keraguan munasabah. Di samping itu, keterangan syarikat masih boleh diterima-pakai kerana syarikat dapat memberi penjelasan munasabah mengapa ia tidak dapat mengemukakan eksibit berkenaan. Maka, mahkamah tidak mengungkitkan peruntukan s.
- f* 114(g) Akta Keterangan 1950 terhadap syarikat.
- g* [3] Alasan yang penuntut-penuntut itu diprovok tidak diterima. Untuk provokasi menjadi satu pembelaan, seseorang itu perlulah menunjukkan bahawa perbuatan itu telah dilakukan tanpa niat atau suatu yang “grave and sudden”. Walaubagaimanapun, perbuatan penuntut-penuntut terbabit bukanlah suatu yang dibangkitkan oleh satu provokasi yang diizinkan oleh undang-undang.
- h* [4] Perlakuan pekerja-pekerja itu adalah perlakuan yang serius dan tindakan pemecatan adalah setimpal dengan salahlaku itu. Mahkamah bersetuju dengan keputusan syarikat bahawa meminum minuman keras semasa waktu bertugas, mengingkari arahan, melawan dan mencederakan pegawai atasan adalah tergolong dalam salahlaku serius.

[Pembuangan kerja yang adil atau sah.]

i

[English Translation of Headnotes]

DISMISSAL: *Termination of Services - Violence - Alcohol consumption and assault on superior officers during working hours - Whether serious offence so as to justify dismissal - Defence of provocation - Whether act unintentional, grave and sudden - Whether claimants' actions defined as provocation permitted by law - Whether allegations of misconduct substantiated - Whether dismissal with just cause and excuse*

DOMESTIC INQUIRY: *Findings of - Whether tainted with irregularities - Whether decision flawed - Claimants' failure to bring own witnesses or cross-examine company's witnesses or clarify doubts with interpreter during inquiry - Whether company should be blamed*

EVIDENCE: *Adverse presumption - Non-production of material evidence - Failure of company to present exhibits during trial - Whether s. 114(g) Evidence Act 1950 to be invoked against company's favour*

The claimants herein, who were employed as the company's security guards were dismissed following their participation in a brawl which involved other security guards after allegedly consuming alcohol beverages. Following the brawl incident, they both stood accused in a domestic inquiry which was held by the company whilst being assisted by an Indian language interpreter. After weighing all the evidence adduced, the enquiry panel found the claimants guilty on disciplinary charges and thus, recommended that the claimants be dismissed. Dissatisfied with the decision, the claimants subsequently brought the matter before the court, claiming that they were dismissed without just cause and excuse.

Held:

[1] The domestic inquiry was held in fairness, impartiality and in accordance with the rules of natural justice while no embezzlement of evidence was evident. If the claimants had failed to bring their own witnesses or cross-examine the company's witnesses or clarified any doubts with the assistance of the Indian language interpreter, the matter was their own oversight and the company should not be blamed.

[2] Even though the company failed to present the exhibits during trial and that the claimants were not tested by a medical officer to certify that they had taken alcoholic beverages, it should be emphasised that the Industrial Court only has to consider evidence based on the balance of probabilities and not on reasonable doubt. Moreover, the company's evidence was

a admissible as the company could provide reasonable explanation as to why it was not able to present the said exhibits. As such, the court did not invoke s. 114(g) Evidence Act 1950 against the company's favour.

b [3] The claimants' contention that they were provoked was not accepted. For provocation to be a defence, it has to be proved that the act was unintentional or was grave and sudden. However, the claimants' actions herein were not defined as provocation as permitted by the law.

c [4] The claimants' misconduct were serious and hence, the termination was justified. The court agreed with the company that consuming alcoholic beverages during working hours, disobeying orders and assaulting superior officers were categorised as serious offences.

[Just dismissals.]

Award yang dirujuk:

d *Chantril Chatril v. WF Shortland Ltd [1974] IRLR 33*
Transport Workers Union v. Kartar & Sundar Singh Omnibus Co Ltd (Award No. 7/1970)

Kes yang dirujuk:

e *Wong Yuen Hock v. Syarikat Hong Leong Assurance Sdn Bhd [1995] 3 CLJ 344*

Perundangan yang dirujuk:

Akta Keterangan 1950, s. 114(g)

f *Bagi pihak pekerja - M Mohan Ghandi; T/n Mohan Ghandi & Assocs*

Bagi pihak syarikat - CK Au (Steven CF Wong); T/n Arifin & Partners

AWARD

g Kes No. 312/99 telah didaftar berasingan dengan Kes No. 327/99 kerana terdapat dua rujukan yang berasingan dari YB Menteri. Susulan pada itu dua fail berasingan telah dibuka bagi maksud ini.

h Sebelum perbicaraan dimulakan kedua-dua peguam syarikat dan peguam pekerja 1 dan pekerja 2 telah memohon perbicaraan kedua-dua kes ini dibicara bersekali memandangkan bahawa banyak fakta yang serupa. Secara zahir mahkamah mendapati perkara ini adalah benar dan meluluskan permohonan peguam ini dan perbicaraan kedua-dua kes ini telah dijalankan bersekali.

Dokumen-dokumen yang telah dikemukakan di dalam perbicaraan ini adalah seperti berikut:

i

Kes No. 2/4-312/99 (Othaman)

Penyata Kes	- 18.6.1999	<i>a</i>
Penyata Jawapan	- 19.8.1999	
Rejoinder	- 3.5.2000	
Ikatan Dokumen Pekerja 1	- 6.6.2000 (CL.1A)	<i>b</i>
Ikatan Dokumen Pekerja 1	- 6.6.2000 (CL1B)	
(Tambahan)		
Hujah Pekerja 1	- 10.9.2001	
Hujah Syarikat	- 3.10.2001	<i>c</i>
Hujah Jawapan	- 16.11.2001	

Kes No.2/4-327/99 (Subramaniam)

Penyata Kes	- 18.6.1999	
Penyata Jawapan	- 21.9.1999	<i>d</i>
Rejoinder	- 3.5.2000	
Ikatan Dokumen Pekerja 2	- 6.6.2000 - CL2	
Ikatan Dokumen Syarikat I	- 6.6.2000 - CO2A	
Ikatan Dokumen Syarikat II	- 6.6.2000 - CO2B	
Hujah Pekerja 2	- 10.9.2001	<i>e</i>
Hujah Syarikat	- 3.10.2001	
Hujah Jawapan	- 16.11.2001	

Selain dari itu saksi-saksi juga telah mengemukakan dokumen berikut:

a) Punch Card Pekerja 1	- CO1	<i>f</i>
b) Punch Card Pekerja 2	- CO2	
c) Surat jawapan Subramaniam kepada surat tunjuk sebab Syarikat bertarikh 31.3.1997	- CO3	<i>g</i>
d) Surat/sijil cuti sakit Subramaniam bertarikh 2.3.1997	- CO3A	
e) Rotan	- CO4	<i>h</i>
f) Sketchplan	- CO5	
g) Laporan Baris	- CO6	

i

- a* Pekerja 1 mendakwa bahawa ia mula berkhidmat dengan syarikat sebagai pengawal keselamatan pada 16 Mac 1994 dan semasa dibuang kerja gajinya ialah RM445 dan elaun-elaun lain sebanyak RM480 sebulan.
- Pada 10 April 1997 beliau telah diserahkan dengan surat pemecatan jawatan yang berkuatkuasa dengan serta merta (CL1A p. 7).
- b* Pekerja 1 mendakwa pemecatan jawatan ini telah dibuat tanpa causa atau alasan yang adil dan memohon mahkamah memerintah bahawa pemecatan ini adalah tidak sah dan memohon dilantik semula ke jawatannya yang terdahulu tanpa jejas kedudukan, gaji, elaun dan lain-lain kemudahan yang terakru kepada jawatan tersebut.
- c* Pekerja 2 mula berkhidmat dengan syarikat pada 21 April 1994 sebagai pengawal keselamatan juga dan semasa dibuang kerja, gajinya ialah RM445 bersama elaun-elaun lain berjumlah RM480 sebulan.
- d* Pada 10 April 1997 beliau telah diserahkan dengan surat pemecatan jawatan yang berkuatkuasa dengan serta merta (CL2 p. 7).
- Pekerja 2 mendakwa juga bahawa pemecatan ini telah dibuat tanpa causa atau alasan yang adil dan juga memohon mahkamah memerintahkan bahawa pemecatan ini tidak sah dan memohon dilantik semula ke jawatannya yang terdahulu tanpa jejas kedudukan, gaji, elaun dan lain-lain kemudahan yang terakru kepada jawatan tersebut.
- e* Pihak syarikat menafikan tuntutan pekerja 1 dan pekerja 2 bahawa pemecatan itu dibuat tanpa causa atau alasan yang adil.
- f* Pihak syarikat dalam jawapannya juga menafikan pekerja 1 dan pekerja 2 bergaji dan mendapat elaun-elaun seperti yang dituntut.
- Syarikat menyatakan bahawa pekerja 1 bergaji pada tarikh dibuang kerja sebanyak RM395 dan COLA tetap RM30 dan elaun overtime yang berubah dari RM300 sehingga RM400 sebulan. Begitu juga gaji dan elaun pekerja 2 semasa dibuang kerja: gajinya RM395 dan COLA RM30 dan elaun overtime yang berubah dari RM300 kepada RM400 sebulan.
- g* Pekerja 1 dan pekerja 2 telah dibuang kerja kerana terlibat dalam satu pergaduhan yang berpunca dari insiden minuman keras yang melibatkan beberapa pengawal keselamatan syarikat yang lain.
- h* Susulan kepada insiden pergaduhan itu mereka berdua telah dipertuduhkan di dalam satu penyiasatan dalaman yang diadakan oleh syarikat pada 24 Mac 1997 yang dipengerusikan oleh tiga orang pegawai tertinggi syarikat. Penyiasatan itu
- i*

telah menjadi mudah dengan bantuan seorang kerani yang bertindak sebagai jurubahasa India kepada kedua-dua pekerja ini yang kurang arif dalam bahasa Inggeris dan Melayu dan prosidur penyiasatan dalaman ini. *a*

Pada 24 Mac 1997 pekerja 1 dan pekerja 2 telah hadir di penyiasatan ini dan diberi penerangan tentang prosiding penyiasatan dalaman tersebut serta akibatnya oleh COW11. Bagi pihak syarikat pula semua pengawal keselamatan dan tukang “syce” (COW8) yang terlibat dengan insiden minuman keras dan pergelutan pada malam itu telah dipanggil dan memberikan keterangan mereka. Pekerja 1 dan pekerja 2 pula diberi peluang sepenuhnya untuk menyoal dan menyoal-balas tiap-tiap seorang saksi yang memberi keterangan. *b*

Saksi-saksi syarikat yang telah memberi keterangan di dalam penyiasatan ini adalah juga saksi-saksi yang memberi keterangan dalam perbicaraan di Mahkamah Perusahaan kecuali saksi No. 6. Mereka adalah: *c*

1. Supervisor Harun Borhan - supervisor - COW6 *d*
2. Mohd Pauzi Osman - pengawal - COW7
3. Zulkipli Ahmad - section head - COW5
4. Ramali Omar @ Param - syce - COW8
5. Ku Ishak Ku Mansor - supervisor - COW9 *e*
6. Mohd. Sahidi Ismail - pengawal
7. Fow Mok @
Foo Mok Weng - technician - COW2 *f*
8. Cecilia Thomas - jurubahasa - COW3
9. Mohd Azali Harun - pegawai pendakwa - COW4
10. Hsu King Hoe @
Shu King Hoe - Pengurus Besar - COW10 *g*
11. Yong Hon Chung - ahli panel Penyiasatan - COW11
Dalaman

Pekerja 1 telah dituduh dengan 4 pertuduhan seperti berikut: *h*

Charge No.1 that the claimant had on 1 March 1997 at or around 10.30pm singularly or jointly with Subramaniam Balakrishnan assaulted supervisor Harun Borhan.

i

- a* Charge No.2 that the claimant had on 1 March 1997 at or around 10.30pm singularly or jointly with Subramaniam Balakrishnan assaulted Section Head Zulkipli Ahmad.
- Charge No.3 that the claimant had on 1 March 1997 at or around 10.30pm
- b* been found consuming liquor with Subramaniam Balakrishnan and two others at the claimant's duty post.
- Charge No.4 that the claimant had on 1 March 1997 at or around 10.30pm threatened to harm supervisor Harun Borhan and Section Head Zulkipli Ahmad.
- c* Semasa di penyiasatan dalaman, pekerja 1 telah tidak mengaku salah ke atas 4 pertuduhan tersebut malah telah mengemukakan satu pernyataan bertulis menjawab pertuduhan tersebut serta menerangkan bagaimana kejadian berlaku. Dalam pernyataan bertulisnya (CL1B) pekerja 1 berkata:
- d* Pada hari 1.3.1997, saya bertugas disiff malam. Pada pukul 10.20 malam saya bertugas dengan pengawal Fauzi di Pos Utama. Dia bertugas didalam Pos dan saya di luar Pos Utama. Pada masa itu saya berbual-bual dengan dua orang saudara saya yang melawat ketika itu. Semasa itu Pengawal Subramaniam juga datang untuk meminjam motor saya.
- e* Tiba-tiba superwiser Arun datang dan dia terus kedalam pos utama, dia tulis didalam buku rekod. Selepas itu saya juga pergi kedalam pos dan saya telah baca repot yang ditulis oleh Arun. Bahawa saya minum arak bersama dua orang saudara yang melawat saya termasuk Subramaniam. Saya hanya tanya repot yang dia tulis itu saja. Dia marah saya dengan kasar. Saya turut marah dia. Masa itu Pengawal Zulkipli datang dan dia terus menolak saya, saya tolak balik dia. Arun menahan kami, ketika itu baju Arun telah koyak. Lepas itu saya terus panchkan kad saya itu dan saya tinggalkan tempat itu dengan serta merta.
- f*
- g* Tiada apa lagi berlaku dan ia pun beredar dari situ. Itulah katanya. Beliau tidak menafikan bahawa mereka berdua telah dimaklumkan bahawa mereka boleh menyoal balas saksi-saksi syarikat atau membawa saksi-saksi mereka sendiri dan sebagainya. Dari rekod penyiasatan dalaman mereka tidak menggunakan peluang itu sepenuhnya kerana tidak menyoal tiap-tiap saksi sepenuhnya, malah pekerja 2 berdiam diri sahaja.
- h* Panel penyiasat merizab keputusan dan setelah menimbang keterangan yang telah dikemukakan tempoh hari oleh pegawai pendakwa dan pekerja mengesyorkan bahawa pekerja 1 dibuang kerja kerana didapati bersalah ke atas 4 pertuduhan tersebut dan menyifatkan kelakuan yang telah dilakukan itu adalah satu salahlaku disiplin dan enggan ikut perintah yang serius.
- i* Surat pemecatan bertarikh 10 April 1997 diserahkan kepadanya (CL1A p. 7).

KELAB LUMBA KUDA SELANGOR
SELANGOR TURF CLUB
Jalan Sungei Besi, 57100 Kuala Lumpur

Postal Address:
P.O.Box 10048
50702 Kuala Lumpur
Malaysia
Tel: 03-9583888
Cable: 'RACING'
Fax: 03-9585755

a

10 April, 1997
Mr. Othaman a/l Perian
No. 1422, Jalan 18/27B
Taman Seri Serdang
43300 Seri Kembangan
Selangor Darul Ehsan

b

Dear Mr. Othaman,

c

DISMISSAL

I have been directed to advise that you have been found guilty on all 4 charges (ie. Nos. 1 to 4) re: domestic inquiry held on 24.3.1997.

d

Under the circumstances, it has been decided that you are to be dismissed without notice effective from the last date of your suspension period (ie. On 10th April 1997).

As far as your annual leave entitlement is concerned, we confirm that you have 7 days outstanding leave balance due to you for having completed 3 months of services in 1997. However on further checking, we note that you still have festive advance of RM50.00 owing to the Club. Be that the case, our Accounts Department will offset the amount which you still owe the Club against your annual leave entitlement, prior to paying whatever is due to you.

e

Please therefore liaise with our Accounts Department for your final wages upon receiving this letter.

f

Yours sincerely,

Sgnd.

g

JOSIE S C HOH

Senior Admin Officer

ADMIN/JH/tr/225

Pekerja 1 tidak berpuas hati dengan keputusan ini lalu membuat representasi kepada menteri dan menteri pula telah merujuk kepada mahkamah ini untuk mahkamah membuat keputusan menurut s. 20(3) Akta Perundangan Perusahaan 1967.

h

i

a Rujukan YB Menteri ini telah memakan masa yang panjang sehingga pihak syarikat tidak menyedari bahawa barang-barang eksibit yang dikemukakan semasa penyiasatan dalaman telah hilang dan/atau telah dimusnahkan oleh anai-anai dan tidak dapat dikesan lagi. Keterangan COW4, pegawai pendakwa dirujuk. Yang tinggal terselamat ialah kerusi besi dan sebatang kayu rotan. (CO4).

b Mengikut rekod insiden berlaku pada 1 Mac 1997. Penyiasatan dalaman diadakan pada 24 Mac 1997. Pemecatan adalah pada 10 April 1997. Rujukan kepada jabatan perhubungan perusahaan dibuat pada 15 April 1997 dan YB Menteri merujuk kepada mahkamah ini pada 26 April 1999.

c Subramaniam Balakrishnan (pekerja 2) pula mendakwa bahawa beliau telah dibuang kerja pada hari yang sama dengan pekerja 1 kerana didapati bersalah ke atas 3 dari 4 pertuduhan yang telah dikenakan ke atasnya. Pertuduhan terhadapnya adalah seperti berikut:

d Charge No. 1 that the claimant had on 1 March 1997 at or around 10.30pm singularly or jointly with Othaman Perian assaulted supervisor Harun Borhan.

e Charge No. 2 that the claimant had on 1 March 1997 or around 10.30pm singularly or jointly with Othaman Perian assaulted section Head Zulkipli Ahmad.

Charge No. 3 that the claimant had on 1 March 1997 at or around 10.30pm been found consuming liquor in the compound of the Club.

f Charge No. 4 that the claimant had on 1 March 1997 at or around 10.30pm damaged a walkie-talkie belonging to the company.

g Walaupun didapati bersalah ke atas 3 pertuduhan, panel penyiasatan mendapati kesalahan atas 3 pertuduhan yang baki itu adalah serius dan berkeputusan untuk menamatkan perkhidmatannya juga. Syor ini bertarikh 8 April 1997 juga. Surat pemecatan menyusul dan diserahkan kepadanya. (CL2 p. 7).

KELAB LUMBA KUDA SELANGOR
SELANGOR TURF CLUB
Jalan Sungei Besi, 57100 Kuala Lumpur

Postal Address:
P.O.Box 10048
50702 Kuala Lumpur
Malaysia
Tel:03-9583888
Cable:'RACING'
Fax: 03-9585755

h

i

10 April, 1997
Mr. Subramaniam a/l Balakrishnan
No. 42, Staff Quarters
Selangor Turf Club
Jalan Sungei Besi
57100 Kuala Lumpur

a

Dear Mr. Subramaniam,

b

DISMISSAL

I have been directed to advise that you have been found guilty on 3 charges out of 4 (ie. on nos. 1,2 & 4) re: domestic inquiry held on 24.3.1997.

c

Under the circumstances, it has been decided that you are to be dismissed without notice effective from the last date of your suspension period (ie. On 10th April 1997).

As far as your annual leave entitlement is concerned, we confirm that you have 5 days outstanding leave balance due to you for having completed 3 months of service in 1997. However on further checking, we note that you still have festive advance of RM50.00 owing to the Club. Be that the case, our Accounts Department will offset the amount which you still owe the Club against your annual leave entitlement, prior to paying whatever is due to you.

d

We would also like to remind you that in accordance with Clause 3 (i) of the Tenancy Agreement signed between yourself and the Club in August 1995, you are to vacate Staff Quarters No. 42 in view of your dismissal. Management has agreed to give you 7 days grace period to move out of the said quarters (ie. You may stay in the quarters until Thursday, 17th April 1997). Please hand the keys (a set of 12) back to Administration prior to or on 17.4.1997. In order for the Club to refund you the deposit of RM50.00 paid initially when the Tenancy Agreement was signed, please produce the official receipt which was issued to you in August 1995, for our Accounts Department to do the needful.

e

f

Yours sincerely,

Sgnd.

g

JOSIE S C HOH
Senior Admin Officer

ADMIN/JH/tr/225

h

Pekerja 2 membangkit hal sewaan quarters beliau dengan syarikat telah menyebabkan syarikat menaruh dendam terhadapnya dan kerana hal ini juga telah mempengaruhi syarikat dalam keputusannya melaksanakan keputusan panel penyiasatan.

i

- a* Syarikat menafikan bersikap demikian dengan alasan bahawa perkara sewaan ini berbangkit selepas keputusan panel penyiasatan dan tiada berkaitan langsung dengan pertuduhan. Keputusan syarikat menamatkan sewaan adalah hanya susulan kepada keputusan syarikat menamatkan perkhidmatannya dengan syarikat - kerana beliau bukan lagi pekerja syarikat maka beliau tidak lagi layak menduduki quarters syarikat.

Pihak mahkamah bersetuju dengan hujah syarikat ini dan tidak membenarkan Pekerja 2 menjadikan perkara sewaan ini isu dalam pertikaian ini.

- c* Selain dari perbezaan kecil tentang waktu (yang pada pandangan mahkamah ini tidak material) pekerja 1 telah menyatakan perkara-perkara ini semasa perbincaraan tetapi tidak pun menyatakannya dalam pernyataannya CL1B. Perkara itu adalah:

- d* a) bahawa semasa kejadian tolak menolak itu beliau telah jatuh ditolak oleh Zulkipli (COW5) dan mengalami sakit pinggang.
- b) beliau terus pergi melapor kepada supervisor lain (yang namanya tidak diingati yang tidak dipanggil untuk menyokong dakwaannya) di pejabat/ bahagian keselamatan setengah (1/2) batu dari situ untuk minta cuti.
- e* c) ketika itu 'syif' nya belum habis.
- d) bahawa ia berperasaan bahawa pekerja 2 melihat sahaja tetapi tidak membuat sesuatu untuk membantu.
- e) bahawa kawannya Ngiah Ramasamy (CLW3) telah datang membantu meleraikan COW5, COW6 dan pekerja 1.
- f* f) bahawa selepas itu Ngiah terus keluar post dan balik tanpa mengetahui kemana dan apa yang terjadi selepas itu kepada COW5, COW6 dan pekerja 1.
- g* g) bahawa pekerja 2 tidak meminjam motosikalnya.
- h) bahawa keesokannya dia tidak melapor kerja.

- h* Pekerja 2 pula menafikan bahawa beliau minum malam itu tetapi dia mengaku berbual, melepak dan berada di dalam kumpulan itu. Beliau menyatakan bahawa beliau telah datang ke situ untuk meminjam motosikal pekerja 1 untuk menghantar anaknya yang sakit ke klinik kerana motosikalnya rosak, tetapi setelah melihat kejadian itu ia pun terus pulang tanpa meminjamnya.

- i* Beliau menafi masuk post dan mengambil rotan (CO4) dan memukul COW5 dan COW6 dan merosakan radio-bimbit kepunyaan COW5.

Beliau tidak tahu kemana pekerja 1 pergi selepas itu sebab ia sudah pulang. *a*

CLW3, Ngiah Ramasamy menyatakan bahawa beliau 'tipsy' malam itu setelah minum bir dari petang lagi bersama kawan-kawannya dan pekerja 1 kerana meraikan kemenangannya semasa perlumbaan kuda siang tadi.

Beliau dengan kawan-kawannya singgah untuk berbual dengan pekerja 1 sambil membawa tin bir bersama mereka. Sambil berbual, melepak dan minum beliau terlihat tolak menolak dalam post utama dan bangun untuk melerai mereka tetapi apabila sampai di situ keadaan telah pulih semula dan beliau pun beredar dari situ melalui gate. *b*

Seingat beliau pekerja 2 telah beredar dari situ apabila ia hampiri post tadi. Pekerja 1 hilang dari pandangannya selepas kejadian. Kedua-dua lelaki Melayu (COW5 & COW6) beredar keluar melalui gate dan hilang dari pemandangannya: "Both Malays went through the gate and gone. I went thro' the gate also." Itu pernyataannya dalam mahkamah. *c*

Penilaian Ke Atas Versi Pihak Yang Menuntut Samada Pekerja 1 Jatuh Ditolak Oleh COW5, Meghentak Buku Harian, Subramaniam (Pekerja 2) Menerpa Masuk Post dsb: *d*

Dari keterangan pekerja 1, pekerja 2 dan CLW3 berdasarkan imbangan tanpa keraguan munasabah, hanya pekerja 1 yang tahu apa yang menyebabkan tolak-menolak di dalam Post sebab dia seorang sahaja yang bertanya COW6. Yang tiga orang lagi itu hanya melihat sahaja dari luar. Apa yang sebenar berlaku di dalam Post sebelum pekerja 2 masuk pula hanyalah pekerja 1, COW5, COW6 dan COW7 sahaja yang mengetahui. Oleh itu fakta bahawa pekerja 1 telah jatuh kerana ditolak oleh COW5, tidak disokong langsung oleh saksi-saksinya sendiri malah CL1B pun tidak menyokongnya. *e*

Begitu juga fakta bahawa beliau tidak menghentak Buku Harian dan memukul belakang COW6, bahawa beliau tidak baling kerusi kepala COW6, bahawa pekerja 2 tidak menerpa masuk dan ambil rotan, kejar mengejar, bahawa Nagiah ada datang melerai dan COW5 cuba melerai tetapi bajunya terkoyak (?) tidak terbukti. *f*

Sebaliknya pihak syarikat dalam versinya dari keterangan COW5, COW6, COW7, COW8 malah dari CLW3 juga, dan berdasarkan imbangan kebarangkalian sahaja telah dapat membuktikan perkara-perkara ini telah berlaku: *g*

- 1) Pada 1 Mac 1997 pekerja 1 dan Mohd Pauzi Osman (COW7) ditugaskan di Post Utama mulai 7 malam sampai 7 pagi. COW5 melapor bahawa pekerja 1 melapor diri setengah jam lewat petang itu. Setelah melapor diri mereka kekadang duduk didalam post kekadang melepak di luar. *h*

i

- a* Ketua mereka pada syif itu ialah Zulkipli Ahmad (COW5).
Penyelia pengawal ketika itu ialah Harun Borhan (COW6).
- 2) Di dalam post disediakan Buku Laporan Harian dimana kedatangan dan kepulangan seorang pengawal dan perkara-perkara yang patut dirakamkan dicatat oleh pengawal yang bertugas. Selain dari meja disediakan juga dua kerusi besi bergerak dan rotan. (CO4).
- b*
- Post ini terletak berhampiran pintu masuk atau gate untuk memasuki kawasan syarikat.
- c* 3) Walaupun insiden itu berlaku waktu senja dan melewati sampai malam keadaan di situ adalah terang kerana dibanjiri dengan lampu-lampu yang terang. (eks. CO5). Post utama sendiri dilengkapi dengan dua lampu panjang fluorescence. (eks. CO5).
- d* 4) Menurut COW7 yang bertugas malam itu dalam lingkungan 9 malam dua orang lelaki India kenalan pekerja 1 telah masuk kawasan membawa bersama mereka tin bir singgah dan duduk berbual dan minum dengan pekerja 1. Sambil berbual dan melepak di situ mereka minum. COW7 mengenali mereka dengan nama ringkas mereka iaitu "Appu" dan "Kannan" kedua-duanya bukan pekerja syarikat. Tidak lama kemudian pekerja 2 tiba dan beliau pun turut menyertai kumpulan itu.
- e*
- Jelas kelihatan oleh COW7 beberapa tin bir jenama Carlsberg berdekatan mereka.
- f* 5) Dalam lingkungan jam 10.30 malam penyelia (COW6) dan ketua seksyen (COW5) tiba di situ dalam rondaan mereka dan telah nampak apa yang berlaku iaitu pekerja 1 dan pekerja 2 sedang berkumpul, melepak, berbual dan minum bir dengan 2 orang India lain.
- g* 6) Penyelia dan ketua seksyen masuk post dan bertanya pengawal yang bertugas Mohd Pauzi (COW7) samada dia melihat apa yang berlaku dan bertanya samada dia telah mencatatkan perkara itu di dalam Buku Laporan Harian dan jika tidak beliau akan dikenakan tindakan. COW7 pun menuliskan ke dalam buku tersebut "empat atau tiga minum minuman keras".
- h* 7) Dari luar pekerja 1 melihat COW7 menulis lalu ia menghampiri post dan meninjau ke dalam dalam keadaan menyesyaki sesuatu. Melihat keadaan pekerja 1, penyelia (COW6) menegur beliau dengan berkata "waktu bertugas tak boleh minum arak." pekerja 1 dengan marah membalas "Encik kalau mau buat tindakan Encik boleh buat." Ia pun beredar dari situ dan balik ke tempat ia berkumpul melepak tadi, masih mereka berempat.
- i*

- 8) Beberapa minit kemudian ia patah balik dan menerkam masuk ke dalam post dan membaca apa yang tertulis lalu dengan garangnya mengambil Buku itu dan menghentaknya sekali ke atas meja dan memukul belakang penyelia (COW6) sekali. *a*
- 9) COW7 seterusnya menyatakan, melihat keadaan ini COW5 pun menolak pekerja 1 untuk menghentikan serangannya tetapi ditolak balas oleh pekerja 1. Masa itu pekerja 2 (Subramaniam) menerkam masuk post melalui pintu kanan dan terus pergi ke sudut bilik dan mencapai sebatang rotan yang memang tersedia terletak di sudut post itu. COW5 melihat keadaan itu mencuit COW6 untuk keluar menyelamatkan dirinya. *b*
- 10) Dua orang lelaki India yang melepak dengan pekerja 1 dan 2 tadi tidak mengambil bahagian dalam pergelutan ini. COW5 berada dalam keadaan cemas kerana di kanan ada pekerja 2 yang memegang rotan dan sebelah kiri ada pekerja 1. *c*
- 11) Pekerja 1 angkat kerusi dan baling menghala COW6 tetapi tidak mengenai sasaran. Pekerja 2 cuba memukul COW6 dengan rotan tetapi tidak kena kerana COW6 sedang berlari keluar daripada post tetapi dikejar pula oleh pekerja 1 ke arah pagar. COW5 pun keluar dan cabut lari tetapi dikejar oleh pekerja 2. Pekerja 2 menghayun rotan ke arah COW5 dan terkena sasaran sekali di pinggang dan sekali lagi terkena radio bimbit yang COW5 lekatkan di pinggangnya. *d*
- 12) Pekerja 2 tidak dapat mengawal perasaannya lalu menghayun rotan itu kepada sesiapa yang melintasi laluan. Salah seorang yang terkena adalah COW8, Ramali Omar, seorang “syce” syarikat yang kebetulan sedang melalui tempat kejadian itu setelah balik dari makan malam dari Serdang. Berlaku pula pertembungan diantara pekerja 2 dengan Ramali. Sambil COW8 bertembung dengan pekerja 2, pekerja 1 berjaya menangkap dan mencengkam COW6 dibajunya hingga terlerai butang-butang bajunya sambil mengugut beliau: *e*
- “Jika adik saya mati saya bunuh awak” dan “Kalau saya dibuang kerja saya bunuh awak.” *f*
- 13) Ketika ini ramai orang sudah sampai dan memerhati sahaja tetapi tidak seorang pun masuk campur. Di antaranya dua orang pengawal lain iaitu Mohd Sahidi dan Zainal Man. *g*
- 14) Pergelutan kelihatan semakin reda. Pekerja 2 kelihatan tersandar di tepi jalan dan pekerja 1 berlegar-legar di situ tetapi mulutnya tetap bising. Mohd Sahidi mengambil balik rotan itu dari pekerja 2. *h*

i

- a* 15) COW5 pergi menghampiri COW6 sesudah terlepas dari cengkaman pekerja 1.
- 16) Kehadiran pengawal-pengawal lain yang tiba di situ dapat mententeramkan keadaan.

- b* Selain dari fakta di atas pihak syarikat telah juga mengemukakan fakta yang tidak dipatahkan oleh pekerja 1 dan pekerja 2 iaitu Ramali Omar (COW8) atau nama jolokannya Param, pekerja 'syce' syarikat yang kebetulan melalui di situ yang telah juga terlibat secara tidak langsung dengan insiden ini kerana apabila beliau terlihat adegan kejar-mengejar ini beliau tampil hadapan untuk meleraikan mereka tetapi beliau sendiri dipukul oleh pekerja 2 sekali dengan rotan dan sekali ditumbuknya. Beliau berlawan balik.

- d* Seorang daripada dua lelaki India itu (selain dari pekerja 1 atau pekerja 2) menghampirinya dan menegurnya dengan berkata "Ini bukan hal awak. Awak balikkah" atau ayat yang seumpamanya tetapi Ramali tidak menghiraukannya dan terus membantu COW6 bersama pengawal lain yang tidak dapat diingati nama mereka.

- e* Mohd Pauzi Osman (COW7), pengawal yang bertugas bersama pekerja 1 malam itu menyatakan lagi bahawa beliau nampak apa yang berlaku malam itu kerana beliau berada di luar post ketika itu selepas menulis laporan tersebut. Sebelum pada itu beliau berada di dalam post tetapi apabila dia melihat pekerja 1 menyerbu masuk beliau dengan segera keluar kerana mengesyaki sesuatu pergaduhan akan berlaku. Beliau tidak melihat Nagiah Ramasamy (CLW3) di mana-mana pun malam itu semasa pergelutan ini.

- f* Sebagai bukti contoh bahawa syarikat telah menarik perhatian pengawal-pengawal syarikat tentang larangan minum minuman arak/keras semasa bertugas, syarikat telah mengemukakan satu laporan baris dimana tegahan ini telah diumumkan kepada pengawal-pengawal bertarikh 26 Februari 1997 (CO6) yang berbunyi:

- g* Dingatkan kepada semua pengawal yang bertugas jangan meminum minuman keras semasa dalam tugas.

Menurut CO6 pekerja 1 hadir di barisan tersebut. Lihat No. 5.

h **Penyiasatan Dalaman**

- Berdasarkan fakta-fakta di atas pihak syarikat telah mengadakan satu penyiasatan dalaman (D/I) pada 24 Mac 1997 dimana empat (4) pertuduhan telah dikenakan ke atas pekerja 1 dan pekerja 2. D/I ini telah dijalankan pada 24 Mac 1997 dihadapan satu panel yang dipengerusikan oleh pegawai tinggi syarikat, Yong Hon Chung (COW11). Pendakwaan telah dijalankan oleh Mohd

i

Azali Harun, pegawai keselamatan syarikat, seorang bekas inspektor polis yang berpengalaman sebagai pegawai penyiasat bahagian jenayah Polis DiRaja Malaysia (COW4). Panel ini dibantu oleh seorang pegawai yang fasih berbahasa Inggeris dan Tamil kerana yang dituduh kedua-duanya berbangsa India dan tidak fasih dalam bahasa Inggeris atau bahasa kebangsaan iaitu Cecilia Thomas. (COW3)

Penyiasatan dijalankan dan panel telah mendapati pekerja 1 bersalah ke atas keempat-empat pertuduhan manakala pekerja 2 bersalah ke atas 3 dari 4 pertuduhan. Keputusan dan saranan ini telah diangkat kepada syarikat dan syarikat bersetuju dengan keputusan serta saranannya dan telah mengeluarkan surat-surat pemecatan ke atas kedua-duanya. Lihat surat pemecatan kepada pekerja 1, CL1A p. 7 dan surat pemecatan pekerja 2, CL2 p. 7, kedua-duanya bertarikh 10 April 1997.

Walaupun bagaimanapun pekerja 1 dan pekerja 2 menuntut bahawa pemecatan ini adalah tanpa *causa* atau sebab yang adil.

Dakwaan/Tuntutan Pekerja 1 & Pekerja 2

Di dalam penyata kes mereka pekerja 1 dan pekerja 2 tidak menyatakan langsung mengapa mereka dipecat selain dari menyatakan bahawa syarikat telah membuang mereka tanpa *causa* atau sebab yang adil walaupun surat-surat pemecatan adalah “self-explanatory”, cuma apabila mereka memfailkan “rejoinder” barulah mereka menyatakan alasannya iaitu bahawa syarikat telah melibatkan mereka dengan insiden minum minuman keras dan pergelutan pada malam 1 Mac 1997 dan mereka tidak bersalah kerana mereka telah diprovok dan bahawa syarikat tidak memberi mereka peluang untuk bercakap iaitu menerangkan apa sebenarnya berlaku dan penglibatannya dalam insiden itu.

Mereka berhujah bahawa syarikat telah salah menyimpulkan perlakuan mereka pada insiden itu tergolong dalam kelakuan salah laku yang serius dan yang membolehkan syarikat memecat mereka kerana mereka telah diprovok.

Menjawab allegasi bahawa penyiasatan dalaman telah dijalankan tanpa memberi peluang kepada pekerja 1 dan pekerja 2 untuk menerangkan/menjelaskan perkara yang sebenarnya di dalam insiden pada 1 Mac 1997, mahkamah mendapati allegasi ini adalah tidak benar dan tidak berasas.

Ia tidak benar dan berasas kerana mahkamah mendapati mereka telah pun diserahkan dengan notis-notis penyiasatan dalaman (CL1A p. 2 & 3 dan CL2 p. 3) dan didalamnya mereka telah diberitahu pertuduhan yang mereka mesti hadapi dan perlu menjawab dan juga diberi amaran-amaran tentang kehadiran mereka, peluang membela diri dengan membawa saksi-saksi tertentu dan peluang memeriksa saksi-saksi syarikat dan sebagainya. Susulan pada itu pada hari

- a* D/I pekerja 1 telah mengemukakan satu statement mengenai peranannya malam itu yang mana telah pun dipertimbangkan oleh D/I (CL1A).

Oleh kerana amaran-amaran ini penting maka diperturunkannya satu persatu:

- b* At the Inquiry, you will be given full opportunity to conduct your defence by bringing your own witnesses or documents as well as cross-examining all witnesses and documents that the Club may present. However, as this is a Domestic Inquiry, no representation by lawyers will be allowed.

- c* Please take note that you are required to be present at the Inquiry and should you fail to be present at the abovementioned time and place, the Inquiry shall be conducted *ex parte* (ie, in your absence). The decision reached by the Board of Inquiry shall then be binding on you and appropriate action shall be taken.

- d* Pending the Inquiry, you are hereby suspended on half (1/2) pay for two (2) weeks with effect from 15th March 1997. During this period of suspension, you are not allowed to enter the Club's premises without the prior personal approval of the Security Manager.

Please acknowledge receipt of this letter by returning the duplicate copy to us, duly signed.

Allegasi itu tidak benar dan berasas kerana juga:

- e* 1) Panel yang mendengar penyiasatan dalaman mengandungi tiga orang pegawai tertinggi syarikat lagi bebas dan lebih kanan dari kesemua yang terlibat termasuk pegawai yang menjalankan pendakwaan iaitu Mohd Azali Harun (COW4). Dengan keadaan demikian mereka tidak mudah dipengaruhi.
- f* 2) Selain dari amaran yang diberi di dalam notis penyiasatan dalaman, pengerusi panel telah juga mengingatkan kedua-dua pekerja tentang prosidur penyiasatan dalaman. Lihat keterangan Yong Hon Chung (COW11) dan nota keterangan penyiasatan dalaman (CO2A).
- g* 3) Syarikat juga telah memperuntukkan seorang penterjemah atau jurubahasa sepanjang penyiasatan dalaman itu iaitu Cecilia Thomas, seorang pegawai pembantu pentadbiran syarikat yang mana kelayakan dan kefasihan bahasa Inggeris dan Tamilnya tidak diragui oleh mahkamah kerana beliau sendiri telah memberi keterangan dalam perbicaraan ini dan mahkamah telah dapat menaksirkan keupayaan dan kefasihan beliau sebagai jurubahasa/penterjemah (COW3).
- h* 4) Pegawai yang menjalankan pendakwaan ini adalah seorang bekas inspektor polis di Polis DiRaja Malaysia yang berpengalaman dalam hal penyiasatan kes-kes jenayah berat (serious crime cases). Juga mahkamah tidak meragui kebolehannya menjalankan pendakwaan dengan adilnya.
- i*

5) Pekerja 1 dan pekerja 2, mengikut nota keterangan penyiasatan dalaman (CO2A) ada membawa seorang saksi iaitu Ngiah Ramasamy (CLW3) yang telah pun memberi keterangan yang mengaku bahawa pekerja 1 ada minum bir sebelum bertugas petang itu bersamanya. Mereka juga ada menyoal-balas saksi-saksi syarikat malah pada satu ketika semasa pekerja 1 menyoal-balas Ramali Omar @ Param (COW8) keadaan menjadi tegang dan pekerja 1 meninggal bilik penyiasatan dan tidak kembali dan telah mengganggu penyiasatan. a

Pekerja 2 pula tidak berkata apa-apa pun atau menyoal mana-mana saksi syarikat selain dari berkata ia tidak mengaku salah semasa 4 pertuduhan dibaca kepadanya. c

Hakim Mohd Azmi HMP pernah berfatwa bahawa seandainya syarikat tidak mengadakan penyiasatan dalaman sebelum tindakan pemecatan dilakukan kealpaan syarikat tidak boleh mencatitkan tindakan syarikat kerana perbicaraan di Mahkamah Perusahaan adalah mencukupi dan memadai untuk memenuhi kehendak prinsip keadilan asasi (principles of natural justice). Kes *Wong Yuen Hock v. Syarikat Hong Leong Assurance Sdn Bhd* [1995] 3 CLJ 344. d

Berdasarkan fatwa itu pekerja 1 dan pekerja 2 patut bersyukur kerana telah pun diberi peluang membela diri di dalam satu penyiasatan dalaman yang mana pada pendapat mahkamah ini telah dijalankan dengan sebaiknya menurut prinsip keadilan asasi dan tiada penggelapan keterangan telah berlaku. Rekod penyiasatan dalaman menunjukkan tujuh orang saksi syarikat telah memberi keterangan dan kesemuanya telah memberi keterangan di dalam perbicaraan ini kecuali Mohd Sahidi Ismail (No. 6). Tambahan pada itu demi untuk melengkapkan lagi kesnya pihak syarikat telah memanggil seramai enam orang saksi lain untuk memberi keterangan dan disoal-balas. e

Jika pekerja 1 dan pekerja 2 mengabaikan tanggungjawab mereka dengan tidak membawa saksi mereka dan/atau tidak menyoal-balas saksi syarikat, dan/atau tidak bertanya melalui penterjemah/ jurubahasa apa-apa perkara yang mereka tidak faham, perkara itu adalah kesalahan mereka sendiri dan mereka tidak boleh menyalahkan syarikat pula. g

Pihak yang menuntut juga menghujah bahawa pihak syarikat tidak mengemukakan eksibit-eksibit semasa perbicaraan dan juga bahawa kedua-dua pekerja 1 & pekerja 2 tidak diuji oleh pegawai perubatan untuk memastikan bahawa mereka telah minum minuman keras. Oleh itu memohon mahkamah ini patut mengungkit peruntukan s. 114(g) Akta Keterangan 1950 terhadap syarikat. h

i

- a* Bagi menjawab hujah ini adalah tepat dikatakan di sini bahawaimbangan yang perlu di dalam perbicaraan di Mahkamah Perusahaan adalah bahawa mahkamah ini hanya perlu mempertimbangkan keterangan itu berdasarkanimbangan kebarangkalian sahaja dan bukan atas dasar tanpa keraguan munasabah. Bertolak dari situ sekiranya “tin-can” Calsberg, kerusi, Buku Laporan Harian
- b* dan radio bimbit tidak dikemukakan keterangan syarikat masih boleh diterimapakai sekiranya syarikat dapat menjelaskan mengapa ia tidak dikemukakan atau tidak dapat mengemukakan eksibit berkenaan. COW4 telah menerangkan bahawa semasa penyiasatan dalaman semua eksibit itu telah dikemukakan oleh saksi-saksi syarikat dan ditunjukkan kepada pekerja 1 dan pekerja 2 dan tidak
- c* dibantah tetapi kerana rujukan kepada Menteri Sumber Manusia dan Jabatan Perhubungan Perusahaan dan sebagainya telah mengambil masa yang terlalu panjang dan kerana itu tiada disimpan dengan cermat maka eksibit itu telah musnah kerana serangga dan ketiadaan penjagaan yang rapi.

- d* Walaubagaimanapun selain dari rekod penyiasatan dalaman (CO2A) yang dengan sendirinya dapat menerangkan (self-explanatory), syarikat telah mengemukakan semula semua saksi yang telah memberi keterangan dalam penyiasatan dalaman dan juga saksi lain untuk faedah pekerja 1 dan pekerja 2 sekali lagi:

e **Kerosakan Kepada Radio Bimbit Kepunyaan COW5**

- a*) Fow Mok @ Foo Mok Weng (COW2) adalah seorang technician electronic dan berpengalaman dalam bidang radio, tape-recorder, VCR dan sebagainya dan mahir dalam membaiki telefon-telefon jenis conventional dan digital. Beliau menyatakan bahawa beliau telah memeriksa radio bimbit yang
- f* berkenaan dan mendapati cermin frontal display “LCD” atau cermin Liquid Crystal Display telah retak serta bocor dan radio tidak boleh berfungsi lagi. Sebab keretakan ini ialah kerana terjatuh atau terkena pukulan tetapi tidak sekuat pukulan hammer. Keterangannya disoal-balas dengan rapi tetapi tidak dapat disangsikan malah kekal kukuh.
- g* **b) Kecederaan kepada COW5 dan COW8.**
Kecederaan kepada kedua-dua saksi adalah tidak serius seperti luka atau patah tetapi hanya kesan pukulan rotan dan tumbuk atau tolak menolak. Dalam hal ini mahkamah tidak perlulah melihat laporan kecederaan itu kerana telah lama berlaku dan pada adatnya telah hilang kesan-kesannya.
- h* Memadai dengan keterangan lisan bersumpah mereka yang disokong oleh fakta dan keterangan lain.
- c) Baju COW6 koyak?*
Pekerja 1 & pekerja 2 dalam “rejoinder” mereka menyatakan oleh sebab pergelutan itu baju COW6 telah koyak. Lihat (rejoinder para. 2 viii). Tetapi ini tidak benar. Apa yang sebenarnya berlaku ialah baju COW6
- i*

tidak terkoyak cuma butang bajunya terlerai oleh sebab cengkaman pekerja 1 keatas baju COW6 selepas dikejutnya. Dan walaupun bajunya tidak dikemukakan fakta ini tidak pun dipertikaikan oleh pekerja malah peguam mereka yang membetulkan kesilapan ini!

a

d) Ujian arak oleh pakar perubatan

Perbicaraan ini bukanlah diadakan untuk menentukan bahawa pekerja 1 atau pekerja 2 mabuk tetapi samada mereka telah didapati meminum arak sewaktu bertugas. Jika perbicaraan kita adalah untuk menentukan mereka mabuk maka haruslah mereka diuji oleh pakar perubatan. Di sini mahkamah mendapati adalah tidak perlu melihat laporan ujian pakar. Memadai dengan keterangan lain. Di sini CLW3 mengakui mereka minum. COW7 dan COW6 melihat mereka melepak dan minum. COW7 berada berdekatan dengan mereka dan melihat beberapa tin bir berwarna hijau, jenama Clasberg dan COW5 dan COW6 berbau arak semasa pekerja 1 dan pekerja 2 berada di dalam post.

b

c

e) Mengugut mencedera supervisor, Harun Borhan dan section head, Zulkipli Ahmad (COW6 dan COW5)

COW6 telah menceritakan bagaimana beliau dikejar oleh pekerja 1 dan dapat menangkapnya dan mencengkam baju dilehernya sehingga butangnya terlerai dan sambil itu menyatakan kata-kata ugutan ini:

d

“Jika adik saya mati saya bunuh awak” dan “Kalau saya dibuang kerja saya bunuh awak”.

e

COW5 mempercayai ugutan ini ditujukan kepada mereka berdua COW5 dan COW6.

f

f) Buku Laporan Harian

COW4 menyatakan buku ini telah disimpan di bawah meja di dalam bilik pejabatnya tetapi kerana tidak diawasi dengan teliti dan kerana tidak menyangka bahawa “conciliation” dan rujukan kepada menteri telah mengambil masa begitu lama sehingga beliau tidak menyangka bahawa eksibit itu masih diperlukan lagi dan secara kebetulannya telah diserang oleh serangga. Sekali lagi fakta buku ini tidak dipertikaikan oleh pekerja semasa soal-balas kerana beliau sendiri mengaku telah melihat buku itu dan membaca kandungannya.

g

Oleh yang demikian syarikat telah memberi penjelasan yang munasabah dan disokong pula dengan keterangan lisan bersumpah maka mahkamah tidak mengungkitkan peruntukan s. 114(g) itu terhadap syarikat.

h

i

a **Provokasi**

Persoalan yang utama lain yang patut dipertimbangkan oleh mahkamah sekarang ialah samada pekerja 1 dan pekerja 2 telah diprovok untuk berbuat demikian dan samada syarikat ada *causa* yang adil atau munasabah untuk bertindak memecat pekerja 1 dan pekerja 2 dan sekiranya ada, berjayakah syarikat membuktikannya.

b

Beban membuktikannya terletak ke atas syarikat dan bebannya tidaklah sebegitu berat seperti di dalam perbicaraan jenayah iaitu, diulangi, diatas imbalan kebarangkalian. Mengenai ketiadaan eksibit mahkamah telah memutuskan bahawa sebab ketiadaannya telah dijelaskan dengan munasabah dan peruntukan s. 114(g) tidak terkena ke atas syarikat. Apa yang tertinggal lagi ialah samada mahkamah ini berpuas hati insiden itu telah berlaku dan siapa dan apa yang menyebabkannya.

c

d

Dari keterangan pihak syarikat dan pihak pekerja 1 dan pekerja 2 dan diatas imbalan kebarangkalian sahaja mahkamah mendapati versi pihak syarikatlah yang sebenarnya telah berlaku malam 1 Mac 1997. Mahkamah mendapati versi pihak pekerja 1 dan pekerja 2 tidak disokong malah adalah rekaan mereka untuk menutupi perbuatan perlakuan minum minuman keras, pergelutan dan mencederakan pekerja serta harta syarikat pada malam itu.

e

Pekerja 1 dan pekerja 2 menghujah bahawa mereka telah diprovok. Walaupun hujah ini suatu 'after-thought', mahkamah tetap mempertimbangkan. [Seksyen 30(5)]. Seperti yang telah dikatakan awal tadi penyata kes pekerja 1 dan pekerja 2 tidak langsung menyebut mengapa mereka dipecat selain dari menuntut secara rambang iaitu syarikat telah memecat mereka tanpa *causa* atau sebab yang adil. Provokasi tidak pun di-plid walaupun peguam mereka ketahui sebab-sebab pembuangan kerja telah diterterakan didalam surat pemecatan bertarikh 10 April 1997 (CL1A p. 7) dan (CL2 p. 7).

f

Samada mereka telah diprovok

g

Kalau melihat fakta kes ini semula kejadian ini mungkin tidak akan berlaku jika mereka tidak minum minuman keras. Walaupun tidak ada laporan perubatan bahawa mereka telah minum minuman keras atau kesan saintifik arak didalam tubuh badan mereka terdapat keterangan bersumpah saksi-saksi syarikat yang melihat mereka minum iaitu COW7, COW5 dan COW6 dan juga COW8, malah saksi mereka sendiri iaitu CLW3 mengaku mereka semua tipsy malam itu. Juga COW7 melihat beberapa tin bir Carlsberg di tempat mereka melepak dan COW5 dan COW6 berbau arak dari mulut pekerja 1 dan pekerja 2 semasa berada di dalam post.

h

i

Juga perlakuan mereka malam itu tidak seperti orang biasa. Adakah mereka tidak tahu bahawa memukul orang lain tanpa sebab yang munasabah itu salah

apatah lagi sebagai pengawal keselamatan memukul ketua seksyen dan penyelia sendiri. Bagi pekerja 1 beliau telah diberitahu bahawa beliau tidak boleh minum sewaktu bertugas mengapa pula beliau berani memasuki post dan menyoal apa yang telah ditulis oleh ketua seksyen dan penyeliannya. Perlukah beliau menghentak Buku Harian dan kemudian memukul penyeliannya (COW6) yang sedang menjalankan tugasnya? Dan selepas itu mengejanya seperti orang tidak waras dan mencengkam bajunya dan mengugutnya? *a*

Bagi pekerja 2 beliau tidak ada alasan undang-undang untuk menerpa masuk atas alasan membantu pekerja 1 kerana pertama beliau bukan bertugas hari itu dan keduanya menyerang COW6 dan COW5 tanpa mengetahui sebabnya. Kalau sekali pun beliau ingin tahu, perlukah beliau mencapai batang rotan yang tersedia ada di dalam post, yang mana hanya digunakan jika ada kacau-bilau semasa perlumbaan kuda. Beliau tahu dimana rotan itu terletak dan selepas itu secara menyalahi undang-undang telah menghayunnya kepada COW5 dan COW6 dan juga "Param" yang langsung tidak berkaitan. *b*

Untuk provokasi menjadi satu pembelaan seorang itu perlulah menunjukkan bahawa perbuatan itu telah dilakukan tanpa niat atau tidak disengajakan atau suatu yang 'grave and sudden' umpamanya, oleh sebab sesuatu peristiwa diluar jangkannya, ia memukul pemandu apabila melihat sahaja anak kecilnya dilanggar oleh pemandu itu didepan matanya. Provokasi juga tidak boleh menjadi pembelaan kecuali jika perbuatan itu dilakukan oleh kerana suruhan undang-undang atau kerana mempertahankan diri. Disini terlihat satu keadaan dimana mereka sendiri telah menyebabkan mereka berkelakuan luar tabii - walaupun telah diberitahu tentang perlakuan salahnya, pekerja 1 masih tidak puas hati lalu mengambil tindakan balas diluar undang-undang. Perlakuan beliau tidak menunjukkan suatu yang "grave" atau "sudden" malah suatu tindakan "voluntary". Begitu juga bagi pekerja 2 beliau langsung tiada diprovok cuma semata-mata mahu masuk campur tanpa usul periksa. *c*

Perbuatan mereka pada pandangan mahkamah bukanlah suatu yang telah dibangkitkan oleh satu provokasi yang diizinkan oleh undang-undang. *d*

Poster

Pekerja 1 dan pekerja 2 telah juga berhujah bahawa "poster" yang dipamerkan oleh syarikat dalam post telah menjejaskan peluang mereka membela diri; lihat CL2 p. 2. Sekali lagi ini tidak benar kerana poster ini tidak disebar secara terbuka tetapi diplekat di tempat-tempat yang tertentu sahaja. Lagi pun adalah mustahak semua kakitangan dan pekerja mengetahuinya sebab di dalam stable tersimpan kuda-kuda bernilai yang diletakkan atas amanah oleh tuan empunya kuda kepada syarikat. *e*

f

g

h

i

- a* Dari keterangan yang telah dikemukakan mahkamah berpuas hati bahawa pekerja 1 pada malam itu telah minum minuman keras bersama tiga orang lelaki India lain iaitu “Appu” dan “Kannan” dan “Subramaniam” dan selepas itu telah bertindak secara menyalahi undang-undang mencedera COW5 dan COW6 dan mengugut. Begitu juga pekerja 2. Beliau juga telah dilihat bersama di dalam kumpulan pekerja 1 dan 2 orang lelaki India lain, minum dan membantu pekerja 1 dalam pergelutan itu dan seterusnya mencedera COW5 dan COW6 serta merosakan radio-bimbit kepunyaan COW5.

- b* Pada pandangan syarikat perlakuan mereka adalah salahlaku serius dan tindakan pemecatan adalah setimpal dengan salahlaku itu. Lihat keterangan Hsu King Hoe @ Shu King Hoe, pengurus besar syarikat (COW10). Mahkamah bersetuju dengan keputusan syarikat itu bahawa meminum minuman keras (apatah lagi sewaktu bertugas dan dengan adanya arahan tegahan bertulis), mengingkari arahan, melawan dan mencedera pegawai atasan adalah tergolong dalam salahlaku serius.

- c*
- d* Akhir sekali samada pemecatan adalah setimpal kerana ini adalah kesalahan pertama mereka, mahkamah mendapati syarikat berhak berbuat demikian. Terhadap pekerja 2 walaupun ada rekod baik (kerana berjaya menangkap pencuri didalam kawasan syarikat suatu masa dulu) perlakuannya bersama pekerja 1 minum minuman keras sewaktu bertugas, di dalam kawasan syarikat dan mencedera pegawai atasan mereka (termasuk orang awam), dan dilakukan oleh mereka sebagai pengawal keselamatan syarikat, adalah salahlaku serius dan pemecatan adalah hukuman setimpal dan tidak keterlaluan walaupun sekali. Kes *Chantril Chatril v. WF Shortland Ltd* [1974] IRLR 33 dan *Transport Workers Union v. Kartar & Sundar Singh Omnibus Co Ltd* (Award No. 7/1970). Berlandaskan fakta-fakta dan alasan tersebut mahkamah mendapati bahawa pekerja 1 dan pekerja 2 telah dipecat dengan causa yang adil dan dengan itu tuntutan mereka ditolak.

Tuntuan mereka ditolak.

e

f

g